



JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

AZAM DAN CITA-CITA TAHUN BARU 2020

Tarikh Dibaca :

03 Januari 2020 / 07 Jamadil Akhir 1441H

Disediakan oleh :

**Bahagian Rujukan Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pahang**



Khutbah Jumaat
Azam dan cita-cita tahun baru 2020
AZAM DAN CITA-CITA TAHUN BARU 2020



03 Januari 2020 \ 07 Jamadil Awal 1441H

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
اَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلْ فَلَا هَادِيَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ وَأَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُوْلُهُ

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى حَبِيْبِكَ وَرَسُوْلِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ
وَالْتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
اَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اِتَّقُوا اللّٰهَ اُوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangannya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Kini kita berada pada bulan Jamadil Awal 1441 Hijriah bersamaan bulan Januari tahun 2020 Masihi dengan meninggalkan pelbagai kisah suka duka, pahit manis dalam diari kehidupan kita pada tahun 2019. Ada yang menganggap peralihan tahun ini merupakan satu peristiwa yang penting dan bermakna dalam sejarah hidup mereka. Justeru, dalam kebanyakan keadaan, ia meninggalkan kesan yang mendalam kepada diri setiap manusia sama ada yang bernilai positif atau negatif. Mimbar menyeru semua pihak untuk menjadikan tahun baru kali ini sebagai salah satu titik mula untuk kita menginsafi kelemahan diri terhadap kesalahan yang pernah dilakukan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dan sesama manusia dengan azam yang bersungguh-sungguh untuk menjadi insan yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Semoga Allah Subhanahu wa-Taala mengampuni dosa-dosa dan memberkati segala amalan kebaikan serta mengurniakan kekuatan iman yang berterusan untuk kita. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah Ghafir ayat 40:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ

أَنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: “Barangsiapa mengerjakan perbuatan jahat, maka dia tidak akan dibalas melainkan sebanding dengan kejahatan itu. Dan barangsiapa mengerjakan amal yang soleh sama ada lelaki atau perempuan sedang ia dalam keadaan beriman, maka mereka akan masuk syurga, mereka diberi rezeki di dalamnya tanpa hisab”.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Pada setiap awal tahun hijri atau masihi kita akan berazam dengan penuh harapan dan impian besar yang meliputi pelbagai aspek kehidupan seharian. Walau apa pun impian dan azam yang kita tanamkan dalam diri kita pada setiap tahun jangan lupa persiapan mencari bekalan untuk kebahagiaan di akhirat. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ

إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Yang bermaksud :“Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat); dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

Berdasarkan ayat ini, Islam amat menggalakkan umatnya melakukan muhasabah diri untuk persiapan menuju akhirat dan berusaha memperbaiki diri serta mempertingkatkan amalan selagi mana diberi kesempatan oleh Allah Subhanahu wa-Taala. Ini merupakan langkah ke arah meningkatkan kualiti diri menjadi umat yang terbaik.

Janganlah kita membuang umur dan masa dengan sia-sia dan tidak sedikit pun rasa menyesal atau bersalah. Insafilah, umur kita sangat singkat dan apa yang berbaki ini hendaklah diambil kesempatan dengan beramal dan berbakti. Sabda Rasulullah Sallahualaihi wassalam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas radhiyallahu anhu;



اِغْتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ شَبَابُكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّتُكَ قَبْلَ سَقَمِكَ وَغِنَاكَ

قَبْلَ فَقْرِكَ وَفَرَاغُكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَحَيَاتُكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Yang bermaksud: “Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara iaitu, masa muda sebelum tua, masa sihat sebelum sakit, masa kaya sebelum miskin, masa lapang sebelum sibuk, dan masa hidup sebelum mati”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Setiap tahun yang telah berlalu dalam hidup kita, menjadi sejarah dan saksi atas segala perbuatan yang kita lakukan. Bersyukurlah kita kepada Allah Subhanahu wa-Taala atas pelbagai kejayaan dan kecemerlangan pada tahun lalu dan juga menginsafi segala ujian yang ditimpakan ke atas kita. Semoga dengan itu, Allah Subhanahu wa-Taala mengekalkan nikmat taufik dan hidayah-Nya yang berpanjangan.

Marilah kita mulakan tahun 2020 masihi ini dengan jiwa yang bersih dan penuh semangat agar diberi kemudahan dan kesempatan untuk menambah amal ibadah. Jika kita tergelincir dalam kemaksiatan, maka bersegeralah bertaubat memohon keampunan daripada Allah Subhanahu wa-Taala. Bermuhasabahlah dengan melihat masa-masa yang lalu dan sekarang, apakah kita masih berada di landasan yang lurus mematuhi segala perintah Allah Subhanahu wa-Taala atau sebaliknya? Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Ra’du ayat 11:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا

مَرَدَّ لَهُ، وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri, dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.